

SOALAN NO.: 18

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : YB. LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD
IMRAN BIN ABD HAMID (B)**
KAWASAN : LUMUT
TARIKH : 22 OKTOBER 2015, KHAMIS

SOALAN:

**YB. LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID
(B) (LUMUT) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan status
projek penjajaran Lebuh Raya dari Banting ke Taiping ketika ini.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perjanjian konsesi Lebuhraya Pantai Barat (WCE) telah ditandatangani pada bulan Januari 2013 dan berkuat kuasa mulai 20 Disember 2013. Lebuhraya sepanjang 316km itu akan menggunakan jajaran baru, kecuali untuk jajaran Tanjung Karang – Sabak Bernam (50km) dan jajaran Telok Intan – Kg. Lekir (30km) yang menggunakan jajaran Jalan Persekutuan 5 (FT 05) sedia ada dan akan dinaikkan taraf dan dilaksanakan secara kontrak konvensional JKR.

Pada masa kini proses pengambilan balik tanah sedang giat dijalankan untuk keseluruhan jajaran terlibat. Dalam masa yang sama syarikat konsesi juga telah memulakan kerja-kerja pembinaan di kawasan yang telah selesai dibuat pengambilan tanah, iaitu melibatkan jajaran antara Hutan Melintang ke Telok Intan di Perak dan Klang ke Kapar di Selangor. Untuk jajaran Tanjung Karang - Sabak Bernam pula, tender telah ditutup pada 19 September 2015 yang lalu. Dijangkakan pembinaan akan dimulakan pada bulan Mac 2016. Manakala untuk jajaran Telok Intan – Kg. Lekir pula, kerja-kerja pembinaan baru sahaja dimulakan pada bulan September 2015 lalu. Keseluruhan projek WCE ini dijangka akan siap pada akhir tahun 2019.

Sekian. Terima kasih.